

## Kesan Energi Selawat Nabi Berdasarkan Perubahan Warna Aura

*The Energy Effects of Salutation upon Prophet Muhammad Based on the Change of Colour Aura*

**Yohan Kurniawan<sup>1</sup>, Hishamuddin Md. Som<sup>2</sup>, Nik Mutasim Nik Abd. Rahman<sup>2</sup>, Othman Inayatullah<sup>3</sup>, Nur Azuki Yusuff<sup>1</sup> & Nik Yusri Musa<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Universiti Malaysia Kelantan,

<sup>2</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia,

<sup>3</sup>Kolej Universiti Teknologi Sawarak

e-mail: yohan@umk.edu.my.

### Abstrak

Kekuatan daripada Al'Quran telah lama diketahui oleh manusia khasnya umat Islam. Selain Al'Quran, Selawat kepada Nabi juga dipercayai mempunyai kekuatan dan memberi kesan kepada kehidupan manusia. Walaupun demikian pembuktian kekuatan Al'Quran dan Selawat Nabi secara saintifik masih sangat kurang dijalankan. Kajian ini bertujuan untuk membuktikan kekuatan sebenar Selawat Nabi berdasarkan perubahan warna aura badan seseorang. Kajian ini adalah kajian eksperimental dan rekabentuk pemilihan responden yang digunakan adalah *within subject design*. Peralatan yang digunakan untuk mengumpulkan data perubahan warna aura adalah *WinAura*. Peralatan *WinAura* mengukur perubahan medan elektromagnetik berdasarkan perubahan gelombang elektrik badan. Responden terdiri daripada 15 orang Muslim dan 15 orang bukan Muslim. Kajian dijalankan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), dan eksperimen dijalankan pada waktu pagi. Hasil kajian mendapati majoriti warna aura responden Muslim adalah hijau sedangkan warna aura responden bukan Muslim adalah oren. Hasil kajian juga mendapati bahawa Selawat Nabi memberi kesan kepada semangat atau keimanan untuk responden Muslim, dan kesan kepada fikiran untuk responden bukan Muslim. Implikasi kajian ini adalah memberi maklumat dan keyakinan kepada individu Muslim bahawa Selawat Nabi adalah sesuai digunakan untuk meningkatkan keimanan kepada Allah, sedangkan bagi individu bukan Muslim, Selawat Nabi dapat memberi ketenangan fikiran. Jelasnya, kajian ini memperlihatkan bahawa Selawat Nabi meningkatnya keimanan kepada Allah dan ketenangan fikiran akan meningkatkan kualiti hidup manusia.

**Kata kunci:** *Selawat Nabi, warna aura, fikiran dan keimanan*

### Abstract

*The strength of the Quran has long been known to human especially the Muslim Ummah. In addition to the Quran, the Shalaawat of Prophet is also believed to have the strength and could impact on human life. Nevertheless such proof on the strength of Al Quran and the Shalaawat of Prophet has not been fully supported by empirical and scientific studies. The objective of this study is to prove the strength of Shalaawat of Prophet based on the changes of aura color of the person's body. The study was an experimental study and the selection of*

*the respondents was based within a subject design. The equipment used to collect data on the changes of aura color is the WinAura machine. The WinAura machine is used to measure the changes of electric wave electromagnetic body. The respondents in this study were 15 Muslims and 15 non Muslims. This research was conducted at the University Malaysia Kelantan (UMK), and the experiments were carried out in the morning. The study has found that the majority of Muslims respondents have green color aura, while the non Muslims have orange color aura. The study has also found that Shalaawat of Prophet has an effect on the spirit or faith of the Muslim respondents, and has an impact on the mind of the non-Muslim respondents. The implication of this study is to provide information and confidence to Muslims that the Shalaawat of Prophet can be used to increase faith in Allah, whereas for non Muslim individual, Shalaawat of Prophet can provide them with a peace of mind. Rising faith in Allah and peace of mind can improve the quality of human life.*

**Keywords :** *Shalaawat of Prophet, colour aura, thoughts and faith*

## Pendahuluan

Kehidupan moden masa kini mempunyai pelbagai cabaran serta tekanan dan pelbagai cara digunakan oleh manusia untuk mengurangkan tekanan yang dihadapi. Cara yang digunakan untuk mengurangkan tekanan antaranya adalah terapi muzik, aromaterapi, spa, terapi zikir, dan lain-lain. Selain terapi, kaunseling juga sering menjadi pilihan untuk mengurangkan beban tekanan. Setiap individu atau kanak-kanak mahupun bayi mempunyai risiko untuk mengalami stress. (Web Kesihatan, 2015). Ia berpunca dari tindak balas terhadap pelbagai keadaan yang dihadapi dalam kehidupan seseorang dan berbentuk reaksi fizikal dan psikologi yang normal terhadap tekanan hidup yang berterusan (Web Kesihatan, 2015). Stress terjadi apabila otak menghadapi sebuah situasi seperti tekanan dan keadaan yang tidak selesa. Apabila ia berlaku, otak akan memberikan tanda kepada badan agar melepaskan hormon tertentu yang akan memberikan tenaga kepada badan untuk bertindak balas. Tubuh badan manusia akan kembali kepada keadaan rileks setelah keadaan tersebut berlalu.

Pelepasan hormon untuk memberikan tambahan tenaga kepada badan merupakan hal yang normal dan berfaedah kepada tubuh badan manusia. Ini kerana, ia berfungsi untuk meningkatkan motivasi, prestasi dan keupayaan fizikal seseorang, bahkan dapat menyelamatkan nyawa semasa menghadapi situasi yang merbahaya (Web Kesihatan, 2015). Namun begitu, Keadaan stres yang berterusan sama ada secara fizikal atau psikologi menyebabkan badan dan mental menjadi lemah sehingga menyebabkan seseorang tidak dapat berfikir secara rasional. Ia turut memberi kesan kepada hubungan dengan orang lain, tahap kualiti hidup, kesihatan, dan sebagainya (Web Kesihatan, 2015).

Ajaran Islam memberikan garis panduan kepada penganutnya dalam menjalani kehidupan dan membantu mereka dalam mengawal tekanan serta mencapai ketenangan (Irib Indonesia, 2014). Terdapat banyak hasil kajian yang membuktikan bahawa iman dan keyakinan agama yang kuat mempunyai pengaruh paling berkesan untuk melindungi seseorang dalam menghadapi tekanan.

Al-Quran menjelaskan mengenai kaedah yang boleh digunakan dalam menghadapi tekanan iaitu kaedah kognitif, kaedah emosional, pendekatan spiritual dan perilaku. Kaedah kognitif berfungsi sebagai pedoman kepada seseorang untuk menilai situasi, persoalan kehidupan serta mengarahkan perilaku-perilaku manusia (Irib Indonesia, 2014). Kekuatan Iman kepada Tuhan merupakan sebahagian daripada kaedah kognitif dalam mengawal stress

dan menangani rasa takut. Sebab iman berpengaruh pada pandangan dan pemahaman manusia terhadap kewujudan (Irib Indonesia, 2014).

Manusia akan memperoleh kedamaian dan ketenangan dengan mengingati Tuhan, berdoa, mengerjakan sembahyang dan membaca Al-Quran. Doa merupakan salah satu cara meminta bantuan kepada Tuhan, mencari tempat sandaran yang kuat dan untuk menguatkan jiwa manusia (Irib Indonesia, 2014).

Selain daripada perkara-perkara yang dinyatakan di atas, Selawat kepada Nabi juga dapat membantu umat Islam mengurangkan tekanan. Berselawat kepada Nabi Muhammad SAW adalah salah satu bukti kecintaan seseorang itu kepada Allah dan Rasulullah SAW (Shafi-Q, 2012). Selawat kepada Nabi Muhammad SAW merupakan ibadah yang mulia dan terpuji. Ia mengandungi berbagai-bagai kelebihan dan keistimewaan bagi mendapatkan pertolongan dan perlindungan dari Nabi Muhammad SAW serta memperoleh ganjaran yang besar dari Allah di hari akhirat kelak (Shafi-Q, 2012).

### **Selawat Nabi**

Arahan dan perintah agar salat ke atas Rasulullah s.a.w. dapat difahami dari firman Allah s.w.t., surah al-Ahzab, ayat 56 (33:56). Firman Allah s.w.t. maksudnya:

*Sesungguhnya Allah dan para malaikat berselawat kepada Nabi (Muhammad). Wahai orang-orang yang beriman bersalawatlah kepada Nabi dan ucapkanlah salam dengan penuh penghormatan kepadanya.”*

Selain daripada ayat tersebut, terdapat juga ayat dalam surah yang sama iaitu ayat 43, yang menjelaskan bahawa Allah s.w.t. dan juga para MalaikatNya juga bersalawat ke atas orang-orang yang beriman. Maksud Firman Allah s.w.t.:

*Dialah (Allah) yang bersalawat (memberi rahmat) kepada kamu dan para MalaikatNya (memohon keampunan untuk kamu) agar Dia mengeluarkan kamu dari kegelapan kepada cahaya, dan Dia Maha Penyayang kepada orang-orang yang beriman.*

Menurut al-Baidawi ( 791 H), maksud ayat 43 surah al-Ahzab ialah:

هو الذي يصلى عليكم بالرحمة. وملائكته بالإستغفار لكم والإهتمام بما يصلاحكم. والمراد بالصلوة المشتركة وهو العناية بصلاح أمركم وظهور شرفكم

*Dialah Allah yang merahmati mengasihani kamu, manakala para MalaikatNya pula sentiasa memohon keampunan kepada kamu (orang-orang beriman), serta sentiasa mengambil berat apa yang memberi kebaikan kepada kamu. Maksud yang difahami dari salat yang sentiasa digabung jalin antara Allah s.w.t. dan diikuti oleh para Malaikat ialah sebagai suatu bentuk pemerhatian dan penjagaan demi kebaikan setiap urusan dan kemuliaan orang-orang beriman.*

Maksud salat ke atas Nabi.

Maksud salat atau solat menurut Kamus Dewan ialah sembahyang (2015:1514). Sementara Kamus Besar Arab Melayu Dewan pula menterjemahkan kalimah *salat* dengan, doa, sembahyang, rahmat, rumah ibadat. (2006:1360). Menurut al-Sya'rawi, maksud kalimah *salat* secara literalnya ialah doa. Beliau menambah maksud *salat* dari Allah ialah anugerah rahmat dan keberkatan, manakala maksud *salat* dari Malaikat (الصلوة من الملائكة )

ialah memohon keampunan, sementara makna *salat* dari individu beriman ialah doa. (t.t, jil 2, hal 680).

Ibn Abbas berpendapat maksud perkataan *salat* dalam ayat tersebut ( يصُلُون ) ialah ( يَرْكُون ) iaitu Allah s.w.t. dan para Malaikatnya mendoakan keberkatan ke atas nabi Muhammad s.a.w. Maksud kalimah *al-Barakah* ( البركة ) pula ialah ( زِيادة الْخَيْرِ الإِلَهِيَّ ) bertambah kebaikan ketuhanan. Sementara al-Bukhari (810-870 M) yang menukilkan pandangan dari Abu al-'Aliyah (93H), maksud *salat* Allah ke atas Rasulullah s.a.w. ialah Allah s.w.t. memuji Rasulullah s.a.w. di sisi para Malaikat, manakala maksud *salat* malaikat ialah doa. Sehubungan itu, maka maksud ayat tersebut ialah para malaikat mendoakan kesejahteraan dan kebahagiaan ke atas Rasulullah s.a.w.

Ibn Kathir (700-774 H), juga menyokong pandangan al-Bukhari yang menjelaskan bahawa maksud salat dari Allah sebagaimana ayat di atas ialah pujian Allah s.w.t. ke atas Muhammad di sisi Malaikatnya. Namun dalam masa yang sama Ibn Kathir juga menjelaskan pandangan kedua yang berpendapat salat dari Allah s.w.t. ke atas nabiNYa bermaksud Rahmat. Kesimpulan tersebut merumuskan bahawa maksud ayat tersebut ialah Allah s.w.t. merahmati nabiNYa. ( t.t. tafsir surah al-Ahzab, jil 6, hal 428).

Sementara Abu 'Isa al-Tirmidhi ( 209-279H ) (*Tuhfat al-Ahwazi*, (1990) jil 2, hal 498) pula menukilkan pendapat dari Sufyan al-Thauri (77-161H) bahawa maksud salat Allah ( صَلَاةُ الرَّبِّ ) ialah Rahmat, manakala salat malaikat ( صَلَاةُ الْمَلَائِكَةِ ) pula bermaksud (الإِسْغَافَارِ). Iaitu memohon keampunan. Pandangan dari Sufyan al-Thauri ini memberi kefahaman bahawa maksud ayat 56, surah al-Ahzab secara umumnya ialah: Sesungguhnya Allah s.w.t. dan Malaikatnya memuji dan merahmati ke atas Nabi Muhammad, sementara malaikatnya pula sentiasa memohon keampunan dari Allah s.w.t. kepada nabi Muhammad s.a.w.

Imam al-Nawawi (676 H) berpandangan bahawa maksud salat dari Allah sebagaimana ayat di atas ( الصَّلَاةُ مِنَ اللَّهِ وَزِيادةُ الْإِحْسَانِ ) ialah merahmati dan menambahkan kebaikan, sementara salat dari malaikat pula bermaksud memohon keampunan manakala daripada manusia pula bermaksud doa. (1984:962).

### **Kelebihan salawat ke atas Nabi s.a.w.**

Para ahli hadith seperti imam al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi, al-Nasa'i, Ibn Majah serta para Muhadithin yang lain, kebiasaannya memasukkan dalam karya-karya mereka satu bab tentang salawat dan kelebihan salawat ke atas Nabi. Al-Tirmidhi umpamanya memasukkan dalam karyanya *Jam'i al-Tirmidhi*, satu bab lengkap yang menghimpunkan hadith-hadith yang berkaitan dengan kelebihan salawat ke atas Nabi. Beliau menghimpun hadith-hadith salawat ini pada bab yang ke 347, serta menamakan bab tersebut dengan ( بَابٌ : مَا جَاءَ فِي فَضْلِ الصَّلَاةِ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ) Bab: Menyatakan kelebihan salat ke atas Nabi s.a.w.

Imam al-Nawawi (676 H) dalam karyanya *Riyad al-Salihin*, juga mengumpulkan hadith-hadith yang berkaitan dengan salawat ke atas Nabi pada bab yang ke 243 dalam karyanya tersebut, beliau menjadikan satu bab yang besar dan menamakan bab tersebut dengan ( كِتَابُ الصَّلَاةِ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ . بَابُ فَضْلِ الصَّلَاةِ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ) bab kelebihan salat ke atas Rasulullah s.a.w.

Imam Ibn Kathir (700-774 H) juga menghimpunkan hadith-hadith salawat ke atas nabi dan kelebihan salawat ke atas Nabi s.a.w sewaktu beliau mentafsirkan ayat 56 dari surah al-Ahzab tersebut.

Para ahli hadith dan ahli tafsir secara umumnya pasti akan memasukkan dalam penulisan mereka bab yang berkaitan dengan kelebihan salawat ke atas nabi s.a.w. pada tempatnya. Karya-karya ini membuktikan bahawa para ulama Islam mempercayai dan

meyakini bahawa terdapat kelebihan tertentu dengan salawat ke atas Nabi s.a.w. Apatah lagi bila terdapat dalam al-Quran arahan dan juga perintah agar bersalawat ke atas Rasulullah s.a.w.

Al-Tirmidhi, umpamanya mengemukakan hadith yang berkaitan dalam bab yang dinyatakan di atas, kelebihan salawat ke atas nabi, melalui jajaran sanadnya, dari Abi Hurairah r.a., beliau berkata, sabda Rasulullah s.a.w. :

من صلی علی صلاة صلی الله عليه عشراء.

Maksudnya: Siapa yang salat ke atas ku satu kali salat, nescaya Allah s.w.t. akan salat ke atasnya 10 kali.

Hadith ini telah dihuraikan maksudnya oleh al-Mubarakfuri dengan penegasan maksud:

صلی الله عليه عشراء : والمعنى رحمة وضاعف أجره

Maknanya Allah s.w.t. rahmatinya dan akan menggandakan pahalanya.

Rahmat Allah s.w.t. Merupakan satu perkara yang tidak dapat dikesan oleh pancaindera manusia, namun ia tetap wujud dan suatu yang dapat dimiliki oleh manusia dalam bentuk kerohanian. Ia persoalan yang sama juga seperti berkat, keampunan, ketenangan dan seumpamanya.

Al-Tirmidhi juga meriwayatkan dalam bukunya *Jam'i al-Tirmidhi* satu *athar* dari Umar al-Khatab r.a., ‘Umar berkata:

إن الدعاء موقوف بين السماء والأرض لا يصعد منه شيء حتى تصلى على نبيك صلى الله عليه وسلم.

Maksudnya: Sesungguhnya doa terhenti di antara langit dan bumi (tidak diangkat ke langit lalu dimakbulkan segala permohonan seseorang), tidak diangkat darinya sesuatu pun sehingga engkau salawat ke atas Nabi mu.

Bentuk salawat ke atas Nabi.

Imam al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan hadith mengenai bentuk salawat yang diajarkan sendiri oleh Rasulullah s.a.w. kepada para sahabatnya yang bertanya, bagaimana bentuk salawat ke atas baginda:

سمعت ابن أبي لبلي قال: لقيني كعب بن عجرة فقال: ألا أهدى لك هدية، خرج رسول الله صلی الله عليه وسلم فقلنا: قد عرفنا كيف نسلم عليك فكيف نصلی عليك؟ قال: ((قولوا: اللهم صلی على محمد وعلى آل محمد كما صلیت على آل إبراهيم إنك حميد مجید، اللهم بارك على محمد وعلى آل محمد كما باركت على آل إبراهيم إنك حميد مجید)).

Maksudnya: Rasulullah s.a.w. keluar menemui kami, lantas kami berkata samba bertanya kepadanya, Wahai Rasulullah, sesungguhnya kami telah mengetahui bagaimana seharusnya kami memberi salam kepadamu, maka bagaimana pula sepatutnya kami harus salawat ke atas mu, Rasulullah s.a.w. bersabda : ucapkanlah:

اللهم صل على محمد وعلى آل محمد كما صلیت على آل إبراهيم، وبارك على محمد وعلى آل إبراهيم وعلى آل إبراهيم في العالمين إنك حميد مجید، والسلام كما قد علمتم.

## Warna Aura Manusia

Warna aura adalah warna yang serupa dengan warna yang dimiliki oleh pelangi. Hasil kajian mendapati bahawa aura manusia terdiri daripada tujuh lapisan atau peringkat (Lindgren & Jennifer, 1997). Warna-warna ini adalah identik dengan keperibadian manusia. Manusia mempunyai warna dasar, atau kombinasi warna yang kekal walau bagaimanapun, warna dan tenaga yang terdapat dalam aura manusia boleh berubah dalam tempoh yang singkat. Lindgren & Jennifer (1997) menyatakan bahawa warna-warna asas dalam aura manusia boleh berubah dari masa ke masa.

Walter Kilner (1869) menjalankan kajian yang berhubungan dengan Elektroterapi. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa semakin lama seseorang melihat melalui kanta biru, matanya menjadi lebih terbiasa dengan frekuensi cahaya berwarna ungu dan frekuensi cahaya yang berwarna lebih tinggi. Kajian ini merupakan salah satu bukti saintifik tentang kewujudan aura dalam diri manusia. (Lindgren & Jennifer, 1997).

Kajian aura yang dijalankan oleh Oscar Bagnall kepada responden yang memiliki permasalahan buta warna mendapati bahawa kemampuan seseorang melihat warna aura adalah bersifat subjektif. Hal ini bermakna bahawa warna aura bergantung kepada penilaian setiap individu. Walaupun penilaian terhadap warna aura bersifat subjektif, akan tetapi kajian ini meyakini bahawa aura itu sendiri adalah bersifat objektif. (Lindgren & Jennifer, 1997).

Selama lebih daripada 100 tahun, penyelidik berusaha untuk mendapatkan gambar aura (Lindgren & Jennifer, 1997). Nikola Tesla yang kajian-kajiannya berhubungan dengan cahaya sehingga dikenali sebagai pakar kuasa elektrik moden telah melatarkan dasar teknologi untuk merakamkan gambaran cahaya yang menjadi asas kepada teknologi fotografi Kirlian (Lindgren & Jennifer, 1997). Teknologi fotografi Kirlian Dalam tahun 1890-an, Tesla mengambil gambar aura yang pertama. Dia telah mengambil gambar-gambar bukan sahaja daripada aura sekitar hujung jari, tetapi juga aura badan keseluruhan, dengan menggunakan alat yang telah dihubungkan dengan badan (Lindgren & Jennifer, 1997).

Semyon Kirlian dan Valentina mengembangkan suatu kaedah baharu untuk mengambil gambar aura (Lindgren & Jennifer, 1997). Kaedah fotografi Kirlian mewujudkan imej energi di sekeliling objek hidup yang digunakan dalam kajian. Kaedah ini melibatkan penggunaan elektrik untuk mendedahkan bentuk dan warna tertentu yang dihantar ke plat fotografi (Lindgren & Jennifer, 1997). Kajian yang dijalankan oleh Kirlian menunjukkan bahawa hujung jari yang diletakkan di atas plat logam yang dialiri elektrik rendah akan menghasilkan pelbagai warna cahaya terang yang bermula daripada hujung jari ketika gambar tersebut dicetak (Lindgren & Jennifer, 1997).

Kajian aura yang dijalankan oleh Valerie Hunt daripada Universiti California Los Angeles telah berjaya menghasilkan sebuah kaedah untuk mengesan perubahan gelombang bioelektrikal pada bahagian kulit yang terletak di atas titik chakra dengan menggunakan standard EMG (Lindgren & Jennifer, 1997). Hunt mendapati bahawa perubahan warna aura yang diperhatikan oleh pakar psikik sesuai dengan rakaman EMG. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa warna aura memiliki hubungan rapat dengan corak gelombang elektrik (Lindgren & Jennifer, 1997).

Guy Coggins (1980) membangunkan sebuah kamera untuk mengesan dan memaparkan gambaran aura atau medan elektromagnetik di persekitaran manusia. Peralatan ini menggunakan kaedah biofeedback. Warna, bentuk dan saiz aura yang dihasilkan oleh kamera tersebut berhubungkait rapat dengan emosi dan rohani seseorang (Lindgren & Jennifer, 1997).


Warna aura setiap manusia adalah berbeza-beza. Setiap warna memiliki erti dan makna tersendiri seperti jadual 1 di bawah ini.

**Jadual 1:** Warna aura dan maknanya (Lindgren & Jennifer, 1997)

Warna aura	Makna warna aura
Inframerah	Intensiti, emosi yang kuat, kepimpinan, semangat
Merah	Menerima cabaran, tindakan, kekuasaan, bertindak pantas
Merah jambu	Perasaan cinta, penyayang, rindu, kasih
Merah muda ( <i>pink</i> )	Kegembiraan, erotisme, seksualiti, idealisme, kewanitaan
Merah-oren	Ingin menjadi pusat perhatian, berkarisma, memberi kegembiraan
Oren-merah	Kepercayaan diri, kreativiti, keaslian
Oren	Kreativiti, semangat, kegembiraan, kebahagiaan
Emas oren	Keseronokan, keyakinan diri, kerja keras, dan bersemangat
Emas	Mudah memberi maaf, muhibah, kelimpahan, kemakmuran, nampak bercahaya
Kuning	Kegembiraan, keseronokan, keterbukaan, suka bermain-main, perasaan ingin tahu, kecerdasan
Kuning-hijau	Belas kasihan, idealisme, suka mengajar
Hijau	Pertumbuhan, kerja keras, cita-cita, lemah lembut, kekuatan, empati
<i>Turquoise</i>	Kasih, kepekaan, praktikal, menenangkan, panduan
<i>Aquamarine</i>	Spiritual, kedamaian, perasaan peka
Biru muda	Perasaan tenang, perasaan selamat, idealisme, rohani dan agama, perasaan tenang
Biru	Komunikasi, gerak hati, rehat, sikap loyal, kebijaksanaan, ketaatan, memberi khidamat untuk orang lain
Ungu	Keimanan, meditasi, imaginasi, berhubungan dengan hal-hal bersifat magik
Biru-putih	Kemampuan komunikasi bersifat rohani, berhubungan dengan hal-hal magik, membangkitkan semangat dalam.

### Metodologi kajian

Kajian yang dijalankan merupakan kajian eksperimen. Rekabentuk eksperimen yang digunakan dalam kajian ini adalah *post experimental design*. *Post experimental design* adalah sebuah bentuk kajian eksperimen yang hanya mengukur keadaan responden selepas mendapat rawatan atau mengukur tahap keberkesanan rawatan yang diberikan tanpa mengukur keadaan awal responden sebelum diberikan rawatan. Rekabentuk ini digunakan kerana pengkaji hanya ingin mengetahui warna energi daripada Selawat Nabi, yang mana warna energi tersebut diperolehi daripada warna aura badan responden ketika mendengarkan Selawat Nabi. Model eksperimen kajian ini dapat dilihat pada Rajah 1.



**Rajah 1:** Model Eksperimen Kajian

Rajah 1 di atas menjelaskan tentang rekabentuk eksperimen yang digunakan dalam kajian ini. Responden yang digunakan dalam kajian ini adalah *within subject design* iaitu kumpulan eksperimen dan kawalan menggunakan responden yang sama. Penggunaan responden yang sama untuk kumpulan eksperimen dan kawalan bertujuan mendapatkan responden kajian yang setara sehingga tidak menyebabkan terjadi bias yang dapat mempengaruhi hasil kajian. Ketika menjadi kumpulan kawalan, responden kajian tidak mendapat sebarang perlakuan dan tidak dilakukan pengukuran warna aura semasa itu. Hal ini disebabkan pengkaji lebih memerlukan data warna aura badan ketika mendengarkan Selawat Nabi berbanding warna aura badan yang tidak dipengaruhi oleh kesan daripada Selawat Nabi. Ketika menjadi kumpulan eksperimen, responden diminta untuk mendengarkan Selawat Nabi dan perubahan warna aura yang terjadi ketika mendengarkan Selawat Nabi akan dirakamkan. Pada akhir kajian akan dilakukan analisis warna majoriti yang wujud ketika responden mendengarkan Selawat nabi. Warna majoriti tersebut menunjukkan energi atau kekuatan sebenar daripada Selawat Nabi.

a. Pembolehubah kajian

Pembolehubah-pembolehubah dalam kajian ini adalah pembolehubah bebas atau tidak bersandar dan pembolehubah bersandar kajian ini adalah perlakuan mendengarkan Selawat Nabi, sedangkan pembolehubah bergantung adalah perubahan warna Aura badan.

b. Responden kajian

Model responden yang digunakan dalam kajian ini adalah *within subject design*. Jumlah responden yang digunakan dalam kajian ini adalah 15 responden Muslim dan 15 responden bukan Muslim. Responden kajian adalah mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

### c. Peralatan kajian

Peralatan kajian warna aura yang digunakan dalam kajian ini adalah WinAura. WinAura adalah sebuah teknologi moden pengimejan *biofeedback* (Lindgren & Jennifer, 1997). Peralatan ini diciptakan oleh Guy Coggins, seorang pencipta daripada Amerika Syarikat. Pada awal penciptaan, peralatan WinAura ini bernama kamera perakam aura 3000 yang diperkenalkan pada tahun 1992. Kamera aura ini tidak melihat aura, akan tetapi ia menggunakan program komputer yang akan menukar gelombang radio yang dipancarkan melalui medan electromagnet menjadi tenaga elektrik yang dapat diproses sebagai cahaya dan warna (Lindgren & Jennifer, 1997). Imej ini dapat dilihat pada skrin unjuran atau dicetak atas kertas fotografi. Kamera perakam aura 3000 ini telah ditambahbaik dan dikembangkan menjadi WinAura. Peralatan WinAura ini menggunakan plat aluminium sebagai sensor yang akan mengubah tenaga elektrik daripada tubuh ke dalam bentuk cahaya dan warna yang dapat dilihat melalui komputer (Lindgren & Jennifer, 1997).



**Gambar 1:** Peralatan dan perisian lunak WinAura

### d. Tempat kajian

Eksperimen ini dijalankan di makmal penyelidikan Pusat Pengajaran Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBI) UMK dan bilik siswazah Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Masa eksperimen dijalankan adalah pagi hari (09:00 pagi – 11:59 pagi).

## Aturcara Eksperimen

Aturcara eksperimen yang dijalankan adalah sebagai berikut:


1. Subjek datang ke makmal eksperimen dan diminta untuk berehat selama 5 minit sebelum mendapat perlakuan. Subjek diminta untuk mendengarkan Selawat Nabi selama lebih kurang 10 minit. Setelah selesai, subjek dapat meninggalkan makmal eksperimen.
2. Pada akhir kajian dilakukan analisis deskriptif majoriti warna aura badan responden yang dihasilkan semasa mendengarkan Selawat Nabi. Warna majoriti tersebut menunjukkan energi daripada Selawat Nabi.

## Hasil kajian

Berdasarkan eksperimen yang telah dijalankan didapati hasil seperti pada Rajah 2 di bawah ini.

## Perubahan Warna Aura


Perubahan warna aura yang terjadi disebabkan tindakbalas elektrik daripada badan responden. Warna aura yang wujud dalam kajian ini seperti ditunjukkan dalam Rajah 2 di bawah ini.



Rajah 2: Perubahan warna aura responden ketika mendengar Selawat Nabi

Berdasarkan Rajah 2 diketahui bahawa majoriti warna aura yang wujud dalam kalangan responden Muslim adalah biru muda (*light blue*). Warna biru muda memberi makna bahawa energi atau kekuatan yang dimiliki oleh Selawat Nabi adalah untuk meningkatkan spiritual, keseimbangan hidup, dan ketenangan. Warna orange bermakna semangat, motivasi, dan keyakinan. Warna aura yang wujud dalam kalangan responden bukan Muslim adalah oren. Warna oren bermakna semangat, motivasi, keyakinan, sikap kreatif, ekspresif, kegembiraan, dan kebahagiaan.

Berdasarkan Rajah 2 diketahui bahawa energi atau kekuatan yang dimiliki oleh Selawat Nabi memiliki aura berwarna biru muda untuk responden Muslim dan oren untuk responden bukan Muslim. Energi tersebut memberi kesan kepada manusia diantaranya kesan fizikal, mental dan semangat seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3 di bawah ini.



Rajah 3: Kesan Selawat Nabi kepada manusia

Berdasarkan Rajah 3 di atas mendapat bahawa Selawat Nabi memberi kesan kepada semangat (*spirit*) responden Muslim, sedangkan pada responden bukan Muslim, Selawat Nabi memberi kesan kepada mental (*mind*).

## Perbincangan dan Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa Selawat Nabi mempunyai energi atau kekuatan khas, yang mana kekuatan tersebut memberi kesan kepada manusia, baik Muslim maupun bukan Muslim. Bagi kaum Muslim, Selawat Nabi dapat meningkatkan ketakwaan, keimanan dan mendekatkan diri dengan Allah SWT, sedangkan bagi kaum bukan Muslim, Selawat Nabi dapat memberikan kesan yang tidak disedari iaitu berupa semangat, motivasi dan perasaan gembira. Hasil kajian ini bersesuaian dengan beberapa hadis tentang Selawat Nabi, yang mana hadis-hadis tersebut menjelaskan bahawa dengan bersalawat kepada Nabi dapat mendekatkan umat Islam dengan junjungan kita, Nabi Muhammad dan secara langsung akan mendekatkan juga kita dengan Allah SWT. Hadis-hadis yang menjelaskan dan menyokong hasil kajian ini adalah sebagai berikut:

Dari Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda :

*“Bacalah selawat kepadaku kerana sesungguhnya bacaan selawat kamu semua dapat sampai kepadaku di mana saja kamu berada .”* (Albakriah, 2014).

Dari Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda :

*“Tiada seseorang pun yang memberikan salam kepadaku (setelah kewafatanku),melainkan Allah mengembalikan rohku sehingga lah aku dapat menjawab salam orang itu.”* (Albakriah, 2014).

Dari Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda :

*“Sesiapa berselawat kepadaku sekali selawat, maka Allah akan berselawat ke atasnya sepuluh kali.”* (Albakriah, 2014).

Dari Anas bin Malik r.a. berkata Rasulullah s.a.w. bersabda:

*“Barangsiaapa yang berselawat kepadaku satu kali, maka Allah berselawat kepadanya sepuluh kali dan akan dihapuskan daripadanya dosa dan diangkat baginya sepuluh darjah.”* (Albakriah, 2014).

Abdullah ibnu Masud r.a. berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda:

*“Seutama-utama manusia dengan aku di hari kiamat ialah orang yang paling banyak berselawat kepadaku.”* (Albakriah, 2014).

Hussain bin Ali memberitakan daripada ayahnya Ali bin Abi Talib bahawa Rasulullah bersabda :

*“Apakah tidak lebih baik aku khabarkan kepada kamu tentang orang yang dipandang sebagai manusia yang paling bakhil?” maka kami (para sahabat) menjawab : “Baik benar Rasulullah!” Maka Rasulullah (selawat Allah dan salam ke atasnya) meneruskan: “ Orang yang disebut namaku di hadapannya, maka tiada ia berselawat kepadaku, itulah manusia*

yang paling bakhil!'" (Albakriah, 2014).

Ali bin Abi Talib berkata :

"*Doa seseorang itu terdinding (terhalang) sehingga dia berselawat ke atas Rasulullah dan ahli keluarganya.*" (Albakriah, 2014).

Abu Hurairah berkata Rasulullah bersabda :

"*Tiadalah suatu kaum berada di sesuatu majlis di mana mereka tidaklah menyebut nama Allah dan mereka tidak pula berselawat ke atas Nabi mereka. melainkan mereka pasti akan ditimpai padah (penyesalan). Maka jika Allah kehendaki ,Dia akan seksa mereka ; dan jika Dia kehendaki, Dia akan mengampunkan mereka.*" (Albakriah, 2014).

## Kesimpulan

Kajian ini adalah berjaya membuktikan bahawa Selawat Nabi memiliki energi atau kekuatan yang sangat efektif dan berkesan untuk mendekatkan seseorang dengan Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW.

## Penghargaan

Artikel ini hasil daripada geran *Research Acculturation Collaboration Effort* (RACE) fasa 1/2012. Kementerian Pelajaran Malaysia.

## Rujukan

- Albakriah. 2014. Hadis sohih kelebihan selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W. Laman sesawang: <https://albakriah.wordpress.com/2014/01/12/hadis-sohih-kelebihan-selawat-ke-atas-nabi-muhammad-s-a-w/>, dibuka pada: 21 Mac 2015-03-21.
- Irib Indonesia (2014). Tekanan jiwa dan cara mengatasinya. Laman sesawang: [http://indonesian.irib.ir/artikel/ufuk/item/77571-Tekanan\\_Jiwa\\_dan\\_Cara\\_Mengatasinya](http://indonesian.irib.ir/artikel/ufuk/item/77571-Tekanan_Jiwa_dan_Cara_Mengatasinya), dibuka pada: 5 September 2015.
- Lindgren, C.E. & Jennifer Baltz (1997). Aura Awareness. California: Progen Co.
- Mohammad Aiman Az Zuhairi (2012). Kelebihan Berselawat terhadap Rasulullah. Selangor: Pustaka Al-Ehsan.
- Nasaruddin Umar (2014). Kekuatan Selawat. Laman sesawang: <http://www.republika.co.id/berita/koran/khazanah-koran/14/07/15/n8qsu724-kekuatan-Selawat>, dibuka pada: 4 Mac 2015.
- Saefuddin Al Hassany (2014). Keajaiban Selawat menurut Al-Quran dan Hadis. Kuala Lumpur: Global Publishing.
- Shafi-Q (2012). Selawat. Laman sesawang: <https://shafiqolbu.wordpress.com/selawat/>, dibuka pada: 5 September 2015.

Web Kesehatan (2015). Apa itu stres? Mengenal stres dan cara menanganinya. Laman sesawang: <http://webkesehatan.com/info-stres-cara-menghadapi-stres/>, dibuka pada: 5 September 2015.